

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 3.12.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 2

DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kementerian mengenai saranan beberapa pihak untuk menghentikan penjualan alat ganti (*spare part*) motosikal YSUKU yang dikatakan menyalahi undang-undang Kementerian Pengangkutan. Mengapakah penunggang motosikal didenda sedangkan pengeluar dan pengedar terus dibiarkan meneruskan perniagaan untuk mengaut keuntungan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tiada menerima apa-apa saranan daripada pihak tertentu untuk menghentikan penjualan alat ganti (*spare part*) motosikal YSUKU. Pihak kementerian akan mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang sekiranya menerima aduan penjualan alat ganti (*spare part*) motosikal yang palsu atau tiruan di bawah Seksyen 8(2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu mendedahkan untuk pembekalan atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya apa-apa barang yang baginya suatu perihal dagangan palsu.

Penalti bagi kesalahan ini, pertubuhan perbadanan didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit (RM15,000) bagi setiap barangan yang diletakkan perihal dagangan palsu dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya

NO SOALAN : 2

didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit (RM30,000) bagi setiap perihal dagangan palsu, manakala bagi individu didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit (RM10,000) bagi setiap barangan yang diletakkan perihal dagangan palsu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau yang berikutnya didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit (RM20,000) bagi setiap barangan yang diletakkan perihal dagangan palsu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Secara dasarnya, sebarang pengubahsuaian terhadap spesifikasi/ reka bentuk kenderaan termasuk motorsikal yang berbeza dengan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) oleh pihak JPJ adalah tidak dibenarkan. Ketetapan tersebut adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 6, Akta Pengangkutan Jalan 1987: menyatakan mana-mana kenderaan yang telah diubahsuai sehingga tidak mematuhi ketetapan Kaedah Pengangkutan Jalan adalah tidak dibenarkan digunakan diatas jalan raya.

Berdasarkan kepada Seksyen 66 (1) (pp), Akta Pengangkutan Jalan 1987, setiap model baru kenderaan motor perlu menjalani prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) oleh pihak JPJ bagi memastikan pembinaan dan penggunaan kenderaan tersebut telah mematuhi ketetapan di bawah Akta dan Kaedahnya sebelum boleh didaftarkan dan dibenarkan digunakan di atas jalan raya.

Merujuk kepada ketetapan dasar sedia ada melibatkan motosikal, skop pengubahsuaian atau pemasangan aksesori pada motosikal yang dibenarkan oleh pihak JPJ adalah seperti berikut :-

- a) Pemasangan pengadang angin / *wind shield*; dan
- b) Pemasangan aksesori kosmetik tambahan pada motosikal selagi mana tidak mengubah identiti asal kenderaan.

Oleh yang demikian, pihak JPJ tidak mengalakkan atau membenarkan terhadap mana – mana pemilik kenderaan untuk mengubahsuai spesifikasi asal yang telah diluluskan di bawah prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) atas faktor-faktor seperti berikut:

NO SOALAN : 2

- a) akan mengakibatkan ciri-ciri keselamatan asal kenderaan terjejas dan boleh membahayakan keselamatan pengguna; dan
- b) akan menjejaskan kestabilan pemanduan dan kawalan serta ciri-ciri dinamik kenderaan.

Dalam usaha mengawalselia tahap kualiti dan pematuhan standard mandatori terhadap komponen automotif di Malaysia secara menyeluruh, pihak JPJ telah bekerjasama dengan pihak KPDNHEP dan Kastam untuk mengawalselia dalam aspek jualan dan pengimportan komponen tersebut. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa komponen automotif telah diwartakan di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) supaya hanya produk yang mematuhi standard mandatori sahaja dibenarkan diimport ke Malaysia iaitu melibatkan komponen berikut :-

- a) Topi Keledar Motosikal;
- b) *New Brake Lining & Brake Pad*;
- c) *New pneumatic Tyre & New Retreat Pneumatic Tyre*;
- d) *Speed Monitoring Device / Speed Limiter Device*;
- e) *HID headlamp & Bulb (light source)*;
- f) *New seat*; dan
- g) *New Safety Seat Belt*.

Sekian terima kasih.